

TARIKH : 9/7/2022
SURAT KHABAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12

Perkeso tambah baik Program Saringan Kesihatan 2.0

PETALING JAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi Program Saringan Kesihatan Perkeso 2.0 atau HSP 2.0 telah ditambah baik termasuk memperbaharui parameter saringan kesihatan dengan memperkenalkan dua kaedah baharu.

Antaranya adalah saringan kesihatan mental dan penilaian risiko kesihatan keluarga sekaligus bagi memastikan program ini kekal kondusif serta relevan buat golongan pekerja.

Perkeso dalam satu kenyataan semalam memaklumkan, program tersebut telah bermula

sejak 1 Jun 2022 di mana sebelum ini operasi HSP terpaksa ditangguhkan sementara dari 1 April 2020 hingga 31 Mei 2022 bagi memberi laluan dan menyokong usaha kerajaan mengengkang penularan wabak Covid-19.

“Berdasarkan statistik Perkeso, seramai 3.6 juta pekerja layak mendapatkan saringan kesihatan percuma di bawah HSP dan daripada jumlah tersebut, seramai 576,902 pekerja telah menjalani saringan kesihatan ini,” katanya.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman

Aziz Mohammed berkata, HSP 2.0 kini turut dibuka kepada penjarum yang berumur antara 30 hingga 39 tahun dan mempunyai risiko penyakit tidak berjangkit atau Non-Communicable Diseases (NCD).

Jelasnya, kriteria baharu diperkenalkan itu bertujuan untuk memperluas akses saringan kesihatan kepada pekerja daripada pelbagai peringkat umur, sekaligus membolehkan lebih ramai penjarum menikmati insentif berkenaan.

“Pelaksanaan semula HSP menerusi versi 2.0 juga adalah

sejajar dengan Inisiatif Saringan Kesihatan Nasional (NHSI) yang akan dilancarkan oleh kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan (KKM) di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) pada Julai 2022.

“Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia terutamanya golongan berumur 40 tahun ke atas untuk menjalani saringan kesihatan,” katanya.

Dalam kenyataan itu juga, dimaklumkan saringan kesihatan adalah penting bagi pengesanan dan pencegahan awal NCD dan

selain berperanan mencegah isu hilang upaya dan kematian awal dalam kalangan pekerja.

“Berdasarkan statistik Perkeso pada tahun 2021, seramai 16,906 penjarum dilaporkan hilang upaya atau meninggal dunia akibat NCD, dengan purata 46 kes dilaporkan kepada Perkeso setiap hari.

“Oleh yang demikian, adalah penting bagi semua pihak terutamanya para majikan untuk menyokong pembudayaan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan pekerja mereka,” tambah beliau dalam kenyataan itu.